

Apa rahsia Mahathir terus bertenaga

Oleh NORZAHIZAN ISMAIL

DUA Pakar Perunding Kardiologi Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr. Mohd. Nasir Muda dan Datuk Dr. Zainal Abidin Abdul Hamid merupakan dua orang doktor peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bergiliran menemani Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah dalam setiap lawatan ke luar negara atau semasa pasangan itu bermalam di Sabah atau Sarawak.

Dalam setiap kunjungan ke luar negara, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah akan ditemani sekurang-kurangnya seorang doktor dan seorang pembantu perubatan selain seorang ahli fisioterapi sekiranya diperlukan atau pakar-pakar lain yang berkaitan.

Salah seorang doktor peribadi yang sering menemani Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah ke luar negara ialah Mohd. Nasir.

Hampir 10 tahun, beliau setia menjaga suami isteri itu dan menyifatkan sebagai kerja yang mudah sekali kerana pasangan itu tidak banyak kerehnan dan tahu menjaga kesihatan diri.

"Latar belakang mereka sebagai seorang doktor banyak memudahkan kerja-kerja kami kerana mereka amat mengambil berat tentang kesihatan diri sehingga kami tidak perlu menyuruh atau mengingatkan mereka untuk berbuat demikian termasuk mengambil ubat.

"Jika orang biasa, kita perlu

memberi banyak penerangan tetapi dengan mereka hanya perlu sekali cakap sahaja, mereka faham.

"Jika perlu berbincang apa saja penyakit yang dihadapi, kita yakin mereka faham dan akan ikut nasihat," katanya yang pernah beberapa kali meminta Perdana Menteri membatalkan temu janji apabila mendapati kesihatan Perdana Menteri terganggu.

Ketika ditanya apakah rahsia Perdana Menteri sentiasa kelihatan

cerdas dan sihat walaupun pada usia 77 tahun, beliau berkata, "tidak ada rahsia... mungkin faktor genetik kerana Dr. Mahathir sendiri mengaku ahli keluarganya kebanyakan panjang umur dan sentiasa kelihatan muda.

"Segi perubatan, tidak ada perbezaan rawatan yang diberikan, tidak ada apa kelebihan yang diterima cuma beliau tahu makanan apa yang elok diambil dan apa yang perlu dikurangkan untuk mengekalkan kesihatan yang unggul.

"Bagi saya, Allah telah memberi

kelebihan kepada Dr. Mahathir yang tidak dapat dinafikan suka bekerja dan banyak menggunakan tenaga fizikal dan mental. Minda beliau sentiasa aktif... beliau sentiasa menggunakan keintelektualan yang dianugerah Allah, sentiasa membaca buku dan itu sudah tentu membantu," tambah beliau.

Dr. Mahathir sentiasa fokus dalam semua perkara termasuk menjaga kesihatan unggul dengan menseimbang pemakanan serta aktif dalam sukan yang amat diminatinya

UM 31/10/2003 - 7 PRECISE

iaitu menunggang kuda sekurang-kurang seminggu sekali.

Dr. Mohd. Nasir menyangkal dakwaan sesetengah orang yang menyatakan Perdana Menteri mengambil ubat-ubatan untuk awet muda atau untuk terus cergas.

"Sepanjang pengetahuan saya selama menjadi doktor peribadi beliau, Dr. Mahathir tidak pernah menjalani sebarang rawatan atau suntikan awet muda dalam negara ataupun di luar negara atau menggunakan sebarang

bahan perangsang. Kami sentiasa bersama beliau kerana beliau tidak akan dibenarkan ke mana-mana tanpa doktor atau pengawal, tidak pernah pula beliau berbuat demikian.

"Beliau juga tidak pernah menjalani rawatan ozon terapi, botox atau apa-apa jua produk seperti yang didakwa. Ini mungkin angkara pengeluaran produk kesihatan untuk melariskan produk masing-masing," jelas Dr. Mohd. Nasir.

Ketika ditanya apa yang menyebabkan Dr. Mahathir berani menjalani pembedahan pemintasan jantung di Hospital Kuala Lumpur (HKL) ketika negara masih tidak mempunyai banyak kepakaran dan peralatan yang canggih seperti yang terdapat di IJN sekarang, beliau percaya ia adalah kerana keyakinan Perdana Menteri kepada doktor yang terlibat dalam pembedahan tersebut.

"Selaku doktor beliau tahu apa yang terdapat di HKL ketika itu dan tengoklah hasilnya. Beliau bukan sahaja berjaya menjalani pembedahan besar itu malah selepas itu terbina IJN serta hospital-hospital swasta dan kerajaan mula mempunyai pusat jantung.

"Keyakinan beliau menjalani pembedahan tersebut membuat banyak lagi orang kenamaan yang selama ini ke luar negara untuk pembedahan pintasan jantung berubah fikiran dan turut meletakkan keyakinan kepada kepakaran dalam negara," tambah beliau.



DR. MOHD NASIR pakar kardiologi dan doktor peribadi Dr. Mahathir.

PESANAN DR. M

UNTUK membentuk sikap yang baik dan berkesan, tiada jalan yang lebih baik daripada kesedaran keagamaan dan kefahaman terhadapnya.

● Perasmian Muzakarah Kesedaran Islam Pegawai-Pegawai Kerajaan di Kuala Lumpur 4 Februari 1986.



TENAGA NASIONAL